

PEMAHAMAN KONSEP TOLERANSI DALAM ORGANISASI MENURUT AL-QURAN TERHADAP BADAR KUIS

Wan Fakhru Razi Wan Mohamad
Abdul Azis Awang Kechik
Farahwaheda Hazidi

wanfakhrulrazi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Islam adalah agama yang mudah dan penuh dengan sikap toleransi. Allah mengutus Muhammad SAW dengan membawa agama yang lurus, mudah dan tidak menyusahkan. Sikap toleransi merupakan amalan yang penting dalam kehidupan manusia untuk mewujudkan hubungan yang harmoni antara umat manusia mahupun di dalam sesebuah organisasi. Akan tetapi Islam menerima hanya perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan agama sahaja. Toleransi Islam menolak sikap fanatik, perbezaan rupa paras, bangsa dan sebagainya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis pemahaman konsep toleransi dalam organisasi menurut al-Quran terhadap BADAR KUIS bagi menyelesaikan masalah yang sering timbul antara individu dalam organisasi. Kajian ini menggunakan pendekatan metode kuantitatif dengan kaedah soal selidik. Justeru Kajian awal mendapati bahawa, sekiranya ia tidak peduli akan masalah ini maka didalam organisasi bakal menimbulkan pergaduhan dan perbalahan. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, artikel ini cuba untuk memberi pemahaman berkaitan permasalahan ini berpandukan nas-nas al-Quran dan tafsirannya yang sebenar.

Kata kunci: toleransi, organisasi, al-Quran.

PENGENALAN

Allah mengutus Nabi Muhammad s.a.w dengan membawa agama yang lurus, mudah dan tidak menyusahkan. Islam adalah agama yang mudah dan penuh dengan sikap toleransi. Tetapi Islam menerima hanya perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan agama sahaja.

Toleransi boleh diertikan dengan beberapa pengertian, antaranya sebagaimana yang dinyatakan oleh Haji Zainal Abidin B. Safarwan (1995) didalam Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, toleransi bermaksud: tolak ansur, kelapangan fikiran, kelapangan dada, keluasan fikiran dan kesabaran. Menurut Ridhuan Tee Abdullah (1995), difinisi toleransi didalam Bahasa Inggeris, *'tolerance'* yang bermaksud satu dasar untuk saling faham memahami diantara satu sama lain dalam sesuatu perkara yang asas. Dalam konteks keagamaan, maka setiap agama mempunyai beberapa prinsip. Diantara prinsip-prinsip itu ada yang dikatakan sebagai prinsip-prinsip asas dari segi kemanusiaan.

Anis Malik Thoha (2005) menyatakan bahawa sikap neutral dan objektif memaksakan kita untuk mengakui bahawa istilah toleransi adalah istilah moden, sama ada dari segi nama mahupun kandungannya, yang pertama kali lahir di Barat di bawah keadaan politik, sosial dan budayanya yang khas. Maka untuk mendefinisikannya mesti merujuk kepada kamus bahasa asal penggunaan istilah tersebut. Dalam *Wester World Dictionary* (1965) disebutkan erti toleransi sebagai: "memberikan kebebasan bagi pendapat orang lain dan sabar terhadap orang lain". Manakala kamus-kamus lain memberikan pengertian yang hampir sama iaitu: "sikap

mempertahankan suatu pendapat, kepercayaan, kebiasaan, kelakuan dan sebagainya yang berbeza dengannya” A.S Hornby (1973). Namun demikian, Anis Malik Thoha (2005) menjelaskan lagi bahawa perkembangan konsep toleransi dalam pemikiran agama dan politik barat menjelaskan secara nyata, bahawa terminologi ini, tidak lagi bererti “ menahan perasaan terhadap perbezaan-perbezaan atas dasar perbezaan”. Tetapi kini ertinya sudah menjadi “menahan perasaan terhadap perbezaan-perbezaan atas dasar bahawa perbezaan adalah sebuah nilai positif”. Dengan kata lain, tidak ada lagi suatu perbezaan disebabkan semuanya benar.

Terminologi yang terakhir inilah yang lebih popular dan sering digunakan dalam pembelajaran ilmiah pada masa akhir-akhir ini. Istilah ini telah menentukan definisi dirinya yang sangat berbeza dengan yang dimiliki semula. Dalam hal ini, dapat difahami daripada perkataan Albet Dondeyne (1963) beliau menyatakan bahawa apa yang dahulu dinamakan toleransi kini telah dianggap sebagai jelmaan ke tidak toleransi yang sistematik. Dalam istilah lain, toleransi pada waktu dahulu hampir sinonim dengan tidak toleransi yang moderat”

Perubahan makna toleransi ini tidaklah menghairankan jika dirujuk kepada asal dan landasan dasar munculnya istilah ini dibuat di tengah pergolakan pemikiran di Eropah yang timbul sebagai konsenkuensi logik dari konflik-konflik yang terjadi antara gereja dan kehidupan nyata di luar gereja, muncullah suatu faham yang dikenal dengan “*Liberalisme*” yang komposisi utamanya adalah kebebasan toleransi, persamaan dan pluralisme. Tambahan lagi menurut COX bahawa “pluralisme dan toleransi merupakan produk dan hasil langsung daripada sebuah proses sekularisasi”.

Istilah toleransi merupakan satu istilah yang subjektif, ia membawa pelbagai tanggapan kepada sesiapa yang mendengarnya, mengikut tahap pembacaan, pengalaman dan ilmu yang tinggi yang dimiliki oleh seseorang. Ini adalah satu perbezaan tanggapan, keadaan yang tidak sepatutnya berlaku lebih-lebih lagi jika istilah ini kadangkala menimbulkan tanggapan yang salah sehingga boleh berlaku pertikaian di kalangan masyarakat.

Toleransi menurut perspektif Islam adalah sebagaimana yang disebut oleh Abdul Rahman Rukaini (2001), bahawa Islam adalah agama yang sinonim dengan perkataan *mutasamihin* iaitu, pemaaf, penerima dan pemurah, tetapi ini bukan bermakna Islam menerima segala apa yang dilakukan, tetapi Islam menerima hanya perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan agama sahaja. Sementara perkara yang bercanggah dengan agama, harus ditinggalkan. Demikian juga bukan bermakna Islam mengaku kalah kepada musuh atau lawannya, sebaliknya *mutasamihin* iaitu, pemaaf dan pemurah dalam Islam membuktikan bahawa Islam mempunyai kekuatan dalaman (jiwa) yang dapat mengawal nafsu amarahnya yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada tindakannya. Ketenangan jiwa itu, merupakan tenaga yang dapat menundukkan dan mengalahkan musuh dengan kebijaksanaan dan sebagai banteng yang dapat menahan hasutan syaitan.

Di dalam Kamus Dewan Edisi ke-Tiga (2002), Istilah toleransi atau sikap toleran dalam bahasa Melayu merujuk kepada sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza daripada pendirian sendiri. Manakala di dalam kitab al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi (t.t) (t.tp.) menyatakan dalam bahasa Arab, toleransi diterjemahkan dengan kata *tasamuh* yang bererti: saling memudahkan, saling mengizinkan. Ia berasal dari kata dasar “*tasamaha*” yang bererti sikap pemurah, penderma, lapang dada dan memudahkan. Jika disebut dengan *al-tasamuh al-dini* ia bermaksud; “menghormati kepercayaan orang lain”. Abu al-A’la al-Mawdudi (1971) mendefinisikan toleransi sebagai “tidak menekan kepercayaan orang lain dan tidak menghalang

mereka dari beramal sekalipun ianya salah pada pandangan kita. Kita tidak mengganggu mereka dengan sesuatu yang menyakitkan mereka lantaran menghormati mereka dan perasaan mereka, dan kita menggunakan apa-apa perkara yang berupa perasaan atau kekerasan untuk memalingkan mereka daripada kepercayaannya.

Definisi yang sama dijelaskan oleh Zaki Badawiy (1986) ia mendefinisikan toleransi sebagai: “pendirian atau sifat yang termanifestasi pada kesediaan untuk menerima pandangan dan pendirian yang pelbagai, meskipun berbeza pendapat dengannya. Lebih jauh lagi diterangkan bahawa toleransi ini berhubung kait dengan masalah kebebasan atau kemerdekaan hak asasi manusia dalam kehidupan bermasyarakat, sehingga mengizinkan sikap berlapang dada terhadap perbezaan pendapat dan keyakinan dari setiap individu. Manakala menurut pendapat Umar Hasyim (1979), bahawa toleransi diertikan sebagai pemberian kebebasan kepada sesama manusia atau kepada sesama warga, atau masyarakat untuk menjalankan keyakinannya atau mengatur hidupnya dan menentukan nasibnya masing-masing selama menjalankan dan menentukan sikapnya itu tidak melanggar dan tidak bertentangan dengan syarat-syarat asas terciptanya ketertiban dan perdamaian dalam masyarakat.

Dari beberapa definisi di atas, mendapati bahawa toleransi terjadi dengan adanya dua rukun asas. Rukun pertama ialah adanya perbezaan prinsip yang hendak ditoleransi. Timbulnya sikap toleransi adalah disebabkan adanya perbezaan, kalaulah semuanya sama dalam kebenaran, sama dalam prinsip maka tiada yang perlu ditoleransikan. Maka dalam konteks toleransi antara umat beragama, sudah tentu kepelbagaian agama tidak sama bahkan ada yang bertentangan satu dengan lainnya. Wujudnya perbezaan antara agama dapat dilihat dari sudut berbeza nama agama itu sendiri, adanya ilmu perbandingan agama dan berpegangnya individu terhadap satu agama sahaja (pemilihan agama tertentu) Ramli Awang (2003). Rukun kedua ialah bersikap adil, memberi kebebasan dan menghormati, berlapang dada dan bersetuju dalam perbezaan. Dua rukun asas ini sangat penting untuk memahami toleransi dengan benar. Toleransi beragama yang sebenarnya hanya akan wujud apabila manusia belajar menghargai keyakinan-keyakinan agama yang mereka anggap sebagai salah. Kunci toleransi bukanlah membuang perbezaan, tetapi kemahuan untuk menerima perbezaan yang asli. Anis Malik Thoha (2005).

Siti Fatimah Abdul Rahman dan Hamiza Ibrahim (1994) menyatakan toleransi dalam Islam ialah satu usaha menyebarkan seruan dari Allah s.w.t. dengan membina peribadi kita secara mulia, memelopori kerja-kerja amal yang bersifat manfaat jangka panjang, menyerlahkan profesionalisme kita dalam setiap perkara yang kita laksanakan, sama ada secara lisan atau sebaliknya. Rasulullah s.a.w. merupakan contoh utama yang mengamalkan sikap toleransi. Sebagai contoh, baginda telah menziarahi salah seorang pesakit yang terdiri daripada orang bukan Islam, baginda juga memberi penghormatan apabila jenazah seorang yahudi lalu di hadapan baginda. Tauladan ini telah tersemat di dalam hati dan jiwa umat Islam selepas kewafatan baginda s.a.w.

Mengamalkan sikap toleransi bukanlah sesuatu yang akan merendahkan martabat kita sebagai umat yang mulia dan berprinsip. Sikap ini juga bukanlah sesuatu yang asing dari budaya Islam, malah ia akan mencerminkan tahap kefahaman kita terhadap Islam kerana sikap toleransi adalah tuntutan Islam, bukan sesuatu pilihan peribadi malah ianya satu sikap yang perlu dipupuk ke dalam setiap diri manusia.

Jadi jelaslah, bahawa toleransi terjadi dan berlaku kerana terdapat perbezaan prinsip dan menghormati perbezaan atau prinsip orang lain itu tanpa mengorbankan prinsip sendiri.

Toleransi sangat penting untuk diamalkan dan ianya sangat dituntut dalam Islam. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan tentang toleransi dan kepentingannya. Antaranya ialah surah al-Baqarah, 256:

Maksudnya :

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata antara jalan benar dan sesat (kufur). Barangsiapa yang ingkar kepada *taghut*, dan beriman kepada Allah, Maka Sesungguhnya dia telah berpegang teguh dengan tali yang sangat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Ayat 256 dari surah al-Baqarah jelas menunjukkan bahawa agama Islam amat mementingkan sifat toleransi. Islam tidak memaksa orang yang beragama lain untuk memasuki agama Islam dan memaksa mereka untuk percaya akan anutan mereka. Mereka bebas untuk memilih agama Islam atau agama lain seperti Kristian dan sebagainya. Di sini jelas menunjukkan bahawa Islam sangat bertolak ansur dalam agama.

Sebab Nuzul Ayat ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasai dan Ibnu Hibban yang diambil dari Ibnu Abbas: Bahawa sebelum kedatangan Islam, terdapat seorang wanita yang selalu kematian anaknya. Ia berjanji kepada dirinya, apabila ia mempunyai anak dan hidup akan dijadikan Yahudi. Ketika Islam datang dan kaum Yahudi Banin Nadhir diusir dari Madinah (kerana pengkhianatan mereka), ternyata anak tersebut dan beberapa anak lainnya yang sudah termasuk keluarga Ansar, terdapat bersama-sama kaum Yahudi. Berkatalah kaum Ansar: “Jangan kita biarkan anak-anak kita bersama mereka”. Maka turunlah ayat 256 ini sebagai teguran bahawa tidak ada paksaan dalam Islam.

Masyarakat bebas diberi pilihan untuk memilih agama mana yang mereka ingin anuti. Namun begitu, Allah telah menerangkan bahawa hanya agama Islam sahaja yang diterima disisi Allah. Di sini jelas menunjukkan bahawa tiada paksaan untuk memasuki agama Islam.

Selain itu terdapat juga ayat lain yang berkaitan dengan toleransi di dalam al-Quran seperti yang dinyatakan di dalam surah al-Kafirun, 1-6:

Maksudnya:

“Katakanlah (Muhammad), “Wahai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku”

Sebab Nuzul Ayat ini menurut Prof. Dr. Wahbah az-Zuhaili (2014) di dalam kitab tafsir al-Munir menyatakan Ath-Thabrani dan Ibnu Abi Hatim meriwayatkan dari Ibnu Abbas bahawasanya kaum Quraisy memanggil Rasulullah s.a.w untuk memberi beliau harta hingga beliau menjadi lelaki Mekah yang paling kaya dan menikahkan dengan perempuan yang beliau inginkan. Mereka berkata, “Harta ini untukmu wahai Muhammad dengan syarat kamu berhenti menghina tuhan-tuhan kami. Jangan menjelek-jelekkan mereka. Jika kamu tidak melakukan hal itu, sembahlah tuhan-tuhan kami selama setahun.” Beliau menjawab, “Tunggu hingga aku

dapat wahyu dari Tuhanku.” Lantas Allah menurunkan surah al-Kafirun dan surah az-Zumar: 64.

Di sini jelas betapa toleransi itu ada dinyatakan di dalam al-Quran. Namun begitu, toleransi tidak dibolehkan dalam semua perkara. Ada beberapa perkara yang tidak boleh untuk ditoleransi menurut Islam. Contohnya seperti ayat dalam surah Al-Kafirun yakni tidak boleh bertoleransi dalam isu ketuhanan. Jika seseorang itu menyembah selain dari Allah SWT maka tiada toleransi untuk mereka menyembah Allah SWT melainkan mereka memeluk agama Islam. Allah berfirman lagi dalam surah al-Hujurat : 13.

Maksudnya:

Wahai manusia, Sesungguhnya Kami ciptakan kamu laki-laki dan perempuan dan jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Sebab Nuzul Ayat ini ialah Ibnu Abi Hatim meriwayatkan dari Ibnu Abi Mulaikah, ia berkata, “pada saat penaklukan kota Mekah, Bilal menaiki Ka`bah, lalu mengumandangkan azan. Ada beberapa orang yang berkata, ‘Apakah budak hitam itu melaungkan azan diatas ka`bah?’ Lalu sebahagian yang lain berkata, ‘Jika Allah s.w.t tidak suka terhadap hal itu, atau jika Allah s.w.t. menghendaki sesuatu, Dia akan mengubahnya.’ kemudian Allah s.w.t menurunkan ayat ini. Lalu Nabi Muhammad s.a.w memanggil mereka dan menegur mereka agar jangan saling membanggakan diri dengan nasab, dengan banyaknya harta, dan menghina orang-orang miskin.”

Berdasarkan kepada ayat ini, jelas menunjukkan Islam sangat mementingkan toleransi dengan pelbagai kaum dan agama kerana ianya termasuk dalam perkara *sunnatullah*. Namun begitu ianya mestilah dalam ruang lingkup yang diharuskan.

Dalam membincangkan tentang ayat ini, Maskuri Abdullah (2001) menyatakan toleransi boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama ialah cukup dengan tidak menyakiti perasaan mereka samada dia berbeza ataupun sama dengan kita. Kedua ialah tidak cukup dengan hanya tidak menyakiti hatinya tetapi lebih daripada itu dengan memberi bantuan dan sokongan di saat mereka memerlukan.

Sebagai kesimpulannya, amalan toleransi sudah ada, malah di zaman Rasulullah sendiri dan baginda mengamalkannya, kita sebagai umatnya perlulah mencontohi beliau dalam apa jua cara supaya setiap individu ada semangat toleransi didalam diri dan di amalkan untuk kepentingan bersama.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti konsep toleransi menurut perspektif al-Quran serta meninjau amalan toleransi dalam organisasi Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR KUIS). Kajian ini sangat penting bagi menilai adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman sikap toleransi dalam kalangan organisasi BADAR KUIS berkenaan konsep toleransi dan amalan mereka.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini membincangkan pemahaman konsep toleransi dalam organisasi menurut al-Quran terhadap BADAR KUIS. Rekabentuk kajian ini adalah jenis rekabentuk kuantitatif secara tinjauan menggunakan borang soal selidik. Satu set borang soal selidik disediakan untuk tujuan pengumpulan data dan maklumat tentang isu-isu yang berkaitan dengan kajian dan dianalisis oleh penyelidik secara deskriptif dalam bentuk kekerapan dan peratus. Populasi dan sampel dalam kajian ini adalah mahasiswa dan mahasiswi Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR KUIS). Seramai 50 orang pelajar dari semester 1 hingga 8 yang dipilih sebagai responden. Perisian “*statistical Package For the Social Science*” (SPSS) digunakan dalam menganalisis data didalam kajian ini.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

Analisis bahagian ini merupakan maklumat demografi responden yang mempunyai 3 item soalan yang terdiri daripada butir-butir biodata mengenai jantina, umur dan tahap pengajian responden.


1. JANTINA



Carta 1

Carta 1 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, seramai 50 orang mahasiswa dan mahasiswi telah dipilih sebagai responden bagi menjayakan kajian ini. Jadual diatas menunjukkan responden terdiri daripada dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Seramai 21 orang pelajar lelaki mewakili (42%) mahasiswa yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Bagi pelajar perempuan pula atau mahasiswi, seramai 29 orang mewakili (58%) yang telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

2. UMUR




Carta 2

Maklumat berkenaan umur responden ditunjukkan pada carta 2 Umur responden dikategorikan kepada 3 bahagian iaitu dari peringkat umur 19-21 tahun, 22-25 tahun dan 26 tahun keatas.

Lingkungan umur 19-21 tahun untuk pelajar lelaki dan perempuan seramai 28 orang mewakili (56%). Bagi responden yang berumur 22-25 tahun pula seramai 21 orang responden mewakili (42%). Seterusnya adalah lingkungan umur 26 tahun ke atas mempunyai jumlah 1 orang sahaja mewakili (2%). Catatan menunjukkan peratusan yang paling tertinggi adalah peringkat umur 19-21 tahun yang berjumlah seramai 28 orang mewakili (56%). Manakala peratusan yang rendah adalah peringkat umur 26 tahun keatas seramai 1 orang yang mewakili (2%).

3. TAHAP PENGAJIAN




Carta 3

Carta 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan tahap pengajian yang terdiri daripada sem 1 sehingga sem 8 untuk menjayakan kajian ini. Bagi tahap pengajian sem 1 memperoleh bilangan seramai 4 orang responden mewakili (8%). Selain itu, tahap pengajian bagi sem 2 pula seramai 2 orang responden mewakili (4%). Seterusnya, bagi tahap pengajian sem 3 pula, seramai 11 orang responden yang terlibat mewakili (22%). Seterusnya, bagi sem 4 pula, seramai 8 orang responden mewakili (16%). Seterusnya, bagi sem 5 pula, seramai 10 orang responden yang terlibat mewakili 20%. Selain itu juga, bagi tahap pengajian sem 6 seramai 8 orang responden mewakili (16%). Bagi sem 7 pula, seramai 3 orang responden yang terlibat mewakili (6%). Akhir sekali, bagi tahap pengajian sem 8 seramai 4 orang pelajar mewakili (8%).

BAHAGIAN B: KEFAHAMAN KONSEP TOLERANSI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN


1. Setiap individu perlu memahami makna toleransi.



Carta 1

Berdasarkan carta 1 di atas merupakan jawapan daripada responden berkaitan setiap individu perlu memahami makna toleransi. Seramai 23 orang mewakili (46%) yang setuju dengan kenyataan itu. Selain itu, seramai 26 orang mewakili (52%) yang memberi jawapan sangat setuju. Ini menunjukkan kerana responden sangat mengambil berat akan memahami makna toleransi. Justeru itu, terdapat seorang yang mewakili (2%) memberi respon tidak setuju.


2. Di dalam al-Quran Allah S.W.T telah menyebut makna toleransi.



Carta 2

Berdasarkan carta 2 di atas menunjukkan jawapan daripada responden tentang di dalam al-Quran Allah S.W.T telah menyebut makna toleransi. Seramai 13 orang yang mewakili (26%) memberi respon tidak pasti. Manakala, seramai 16 orang yang mewakili (32%) menyatakan jawapan setuju. Selain itu, seramai 21 orang mewakili (42%) yang memberi respon sangat setuju. Ini bermakna ramai responden yang mengetahui bahawa di dalam al-Quran Allah S.W.T ada menyebut tentang toleransi. Walaupun begitu, masih terdapat responden yang tidak pasti dengan jawapannya.

3. Abu al-A'la al-Mawdudi mendefinisikan toleransi sebagai: “tidak menekan kepercayaan orang lain dan tidak menghalang mereka dari beramal sekalipun ianya salah pada pandangan kita.




Carta 3

Carta 3 menunjukkan jawapan daripada responden tentang Abu al-A'la al-Mawdudi mendefinisikan toleransi sebagai: “tidak menekan kepercayaan orang lain dan tidak menghalang mereka dari beramal sekalipun ianya salah pada pandangan kita. Seorang

responden yang mewakili (2%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Manakala seramai 22 orang mewakili (44%) yang tidak pasti akan jawapan yang diberikan. Seterusnya, seramai 21 orang mewakili (42%) yang setuju dengan definisi toleransi yang dinyatakan tersebut. Selain itu, terdapat 6 orang responden mewakili (12%) yang memberi jawapan sangat setuju. Ini bermakna ramai responden yang mengetahui tentang definisi tersebut. Namun, masih terdapat segelintir responden yang tidak pasti dengan jawapan tersebut.


4. Sikap bertoleransi dapat mengeratkan ukhuwah sesama manusia?



Carta 4

Berdasarkan carta 4 di atas menunjukkan jawapan dari responden yang berkaitan sikap bertoleransi dapat mengeratkan ukhuwah sesama manusia. Seramai 30 orang pelajar iaitu sebanyak (60%) yang setuju dengan kenyataan bahawa sikap toleransi dapat mengeratkan ukhuwah sesama manusia. Manakala, seramai 20 orang pelajar yang memberi jawapan sangat setuju iaitu sebanyak (40%). Ini bermakna responden telah memahami dengan baik bahawa sikap bertoleransi dapat mengeratkan ukhuwah.

5. Sikap toleransi bukan perintah Allah dan Rasulullah.




Carta 5

Carta 5 menunjukkan seramai 17 orang mewakili (34%) sangat tidak setuju dengan kenyataan sikap toleransi bukan perintah Allah dan Rasulullah. Kemudian seramai 18 orang pelajar tidak setuju dengan kenyataan itu iaitu sebanyak (36%). Manakala responden tidak pasti pula

seramai 11 orang pelajar iaitu sebanyak (22%). Seterusnya, responden setuju hanya seorang sahaja iaitu sebanyak (2.0%) dan responden yang sangat setuju pula seramai 3 orang iaitu sebanyak (6%). Kesimpulannya, majoriti responden memberi respon tidak bersetuju dengan kenyataan sikap toleransi bukan perintah Allah dan Rasulullah dan ia adalah jawapan yang tepat. Namun begitu, masih terdapat tersponden yang tidak pasti dan bersetuju dengan kenyataan tersebut.


6. Sikap toleransi yang baik akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.



Carta 6

Berdasarkan carta 6 menunjukkan seramai 31 orang sebanyak (62%) yang setuju dengan kenyataan bahawa sikap toleransi yang baik akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T. Manakala bagi yang memberi sangat setuju pula seramai 19 orang pelajar iaitu sebanyak (38%). Ini bermakna responden sangat memahami dengan kenyataan yang diberikan.


7. Rasulullah S.A.W tidak mengamalkan sikap toleransi.



Carta 7

Carta 7 menunjukkan seramai 27 orang mewakili (54%) yang sangat tidak setuju dengan kenyataan Rasulullah S.A.W tidak mengamalkan sikap toleransi. Manakala bagi responden yang tidak setuju pula seramai 14 orang mewakili (28%). Seterusnya, responden yang tidak pasti pula seramai 3 orang mewakili (6%). Selain itu, responden yang memberi respon sangat setuju pula seramai 4 orang mewakili (8%) dan jawapan sangat setuju pula seramai 2 orang pelajar dengan mewakili (4%). Dapat disimpulkan bahawa, peratusan responden yang bersetuju dengan jawapan adalah lebih tinggi daripada peratusan jawapan responden yang tidak pasti dan bersetuju.


8. Sikap toleransi tidak perlu diamankan dalam diri seseorang.



Carta 8

Berdasarkan carta 8 di atas merujuk kepada jawapan dari responden tentang sikap toleransi tidak perlu diamankan dalam diri seseorang. Seramai 31 orang mewakili (62%) telah memberi respon sangat tidak setuju. Seterusnya, seramai 13 orang yang mewakili (26%) memberi jawapan tidak setuju. Ini bermakna responden memahami soalan tersebut dan mengamalkan sikap toleransi dalam diri mereka. Namun, terdapat responden yang bersetuju bahawa sikap toleransi tidak perlu diamankan dalam diri seseorang iaitu jawapan setuju seramai 4 orang mewakili (8%) manakala sangat setuju pula seramai 2 orang mewakili (4%).


9. Di dalam Islam sikap toleransi perlu diamankan oleh agama Islam sahaja.



Carta 9

Berdasarkan carta 9 menunjukkan seramai 24 orang yang mewakili (48%) memberi respon sangat tidak setuju dengan kenyataan bahawa di dalam Islam sikap toleransi perlu diamankan oleh agama Islam sahaja. Manakala seramai 18 orang yang mewakili (36%) memberi respon tidak setuju. Ini bermakna responden memahami bahawa sikap toleransi perlu diamankan terhadap pelbagai agama. Justeru itu, terdapat responden yang memberi respon tidak pasti iaitu seramai 3 orang yang mewakili (6%) manakala yang bersetuju pula seramai 5 orang yang mewakili (10%).

10. Mengadakan perbincangan adalah perkara yang paling penting untuk menyelesaikan masalah.




Carta 10

Carta 10 menunjukkan seramai 2 orang yang mewakili (4%) tidak pasti dengan kenyataan bahawa mengadakan perbincangan adalah perkara yang paling penting untuk menyelesaikan masalah. Manakala, seramai 20 orang yang mewakili (40%) responden yang setuju, kemudian seramai 28 orang pelajar sangat setuju iaitu sebanyak (56%). Dapat disimpulkan bahawa majoriti responden bersetuju mengadakan perbincangan adalah perkara yang paling penting untuk menyelesaikan masalah.

BAHAGIAN C: PENGAMALAN TOLERANSI DI KALANGAN MAHASISWA BADAR (KUIS)


1. Saya memahami bahawa sikap toleransi merupakan akhlak para Nabi.



Carta 1

Carta 1 di atas menunjukkan jawapan responden soalan berkaitan saya memahami bahawa sikap toleransi merupakan akhlak para nabi. Seramai 3 orang responden yang mewakili (6%) tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Manakala seramai 22 orang mewakili (44%) yang setuju dan seramai 25 orang mewakili (50%) memberi respon sangat setuju. Ini bermakna majoriti responden memahami bahawa sikap toleransi juga merupakan sikap Rasulullah S.A.W.


2. Membaca sirah Nabi berkenaan toleransi membantu saya dalam kehidupan seharian.



Carta 2

Berdasarkan carta 2 di atas menunjukkan jawapan daripada responden berkaitan membaca sirah Nabi berkenaan toleransi membantu di dalam kehidupan seharian. Seramai 3 orang yang tidak setuju mewakili (6%). Seterusnya, seramai 21 orang responden yang setuju mewakili (42%). Manakala, seramai 26 orang responden yang memberi respon sangat setuju iaitu mewakili (52%). Secara kesimpulannya, majoriti responden bersetuju bahawa membaca sirah Nabi berkenaan toleransi dapat membantu dalam kehidupan seharian dan ia adalah jawapan yang tepat.


3. Sikap toleransi yang saya miliki akan disenangi orang ramai.



Carta 3

Berdasarkan carta 3 di atas merujuk kepada jawapan responden berkaitan sikap toleransi yang dimiliki akan disenangi orang ramai. Seramai 7 orang yang mewakili (14%) tidak pasti dengan jawapannya. Manakala seramai 25 orang yang mewakili (50%) memberi respon setuju dan seramai 18 orang responden mewakili (36%) yang memberi jawapan sangat setuju. Ini bermakna, majoriti responden bersetuju bahawa sikap toleransi yang dimiliki seseorang akan disenangi orang ramai dan ia adalah jawapan yang tepat untuk soalan itu.


4. Berdiam diri adalah cara untuk mengawal kemarahan dan rasa tidak puas hati.



Carta 4

Berdasarkan carta 4, seramai 3 orang mewakili (6%) tidak bersetuju bahawa berdiam diri adalah cara untuk mengawal kearah dan rasa tidak puas hati. Manakala, yang tidak pasti pula seramai 4 orang mewakili (8%). Seterusnya, seramai 23 orang responden yang mewakili (46%) yang setuju, dan seramai 20 orang responden yang sangat setuju mewakili (40%). Dapat disimpulkan bahawa majoriti bersetuju dan mengamalkan berdiam diri adalah cara untuk mengawal kemarahan dan rasa tidak puas hati dengan seramai 43 orang responden mewakili (86%). Namun begitu, terdapat responden yang tidak pasti dan tidak bersetuju dengan kenyataan iaitu seramai 7 orang yang mewakili (14%).

5. Apabila berlaku perselisihan, saya mudah untuk bertolak ansur dan memberi maaf.




Carta 5

Berdasarkan carta 5 di atas merujuk kepada jawapan responden berkenaan apabila berlaku perselisihan, mudah untuk bertolak ansur dan memberi maaf. Seramai 2 orang mewakili (4%) yang tidak bersetuju untuk bertolak ansur dan memberi maaf apabila berlaku perselisihan. Manakala seramai 5 orang responden yang mewakili (10%) tidak pasti dengan jawapan yang diberikan. Seterusnya seramai 27 orang mewakili (54%) yang memberi respon setuju dan seramai 16 orang mewakili (32%) memberi respon sangat setuju. Dapat disimpulkan bahawa

majoriti memilih untuk bertolak ansur dan memberi maaf apabila berlaku perselisihan walaupun terdapat segelintir pelajar yang tidak pasti dan tidak setuju.


6. Saya tidak akan bertoleransi dengan orang yang sombong.



Carta 6

Carta 6 di atas merupakan jawapan daripada responden berkaitan dengan soalan saya tidak akan bertoleransi dengan orang yang sombong. Seramai 8 orang mewakili (16%) memberi respon sangat tidak setuju. Manakala seramai 15 orang mewakili (30%) yang tidak setuju. Seterusnya seramai 13 orang mewakili (26%) yang memberi respon tidak pasti. Selain itu, seramai 10 orang mewakili (20%) yang setuju dengan kenyataan itu dan seramai 4 orang mewakili (8%) yang memberi jawapan sangat setuju. Ini bermakna, 23 orang mewakili (46%) responden tidak setuju dengan kenyataan tidak akan bertoleransi dengan orang yang sombong. Namun selebihnya memberi jawapan tidak pasti dan bersetuju bahawa tidak akan bertoleransi dengan orang yang sombong.

7. Saya akan beristighfar untuk mengurangkan perasaan marah dan tidak puas hati.




Carta 7

Carta 7 menunjukkan seramai 2 orang mewakili (4%) sangat tidak setuju dengan kenyataan saya akan beristighfar untuk mengurangkan perasaan marah dan tidak puas hati. Manakala, seorang sahaja responden yang mewakili (2%) tidak pasti dengan kenyataan. Seterusnya, seramai 29 orang mewakili (58%) yang setuju dengan amalan tersebut dan seramai 18 orang mewakili (36%) memberi respon sangat setuju.

Dapat disimpulkan bahawa, seramai 47 orang mewakili (94%) yang setuju bahawa amalan beristighfar dapat mengurangkan perasaan marah dan tidak puas hati. Ini bermakna responden memahami dengan jelas.


8. Saya akan memutuskan hubungan persaudaraan jika berselisih pendapat.



Carta 8

Berdasarkan carta 8 di atas menunjukkan jawapan responden soalan berkaitan saya akan memutuskan hubungan persaudaraan jika berselisih pendapat. Seramai 26 orang mewakili (52%) memberi respon sangat tidak setuju dan seramai 17 orang responden tidak setuju mewakili (34%) dengan kenyataan akan memutuskan hubungan persaudaraan jika berselisih pendapat. Selain itu, seramai 4 orang mewakili (8%) yang tidak pasti. Seterusnya, seorang sahaja responden memberi jawapan setuju mewakili (2%) dan seramai 2 orang mewakili (4%) sangat setuju. Ini bermakna, majoriti responden telah bersetuju dengan kenyataan iaitu seramai 43 orang mewakili (86%) dan ia adalah jawapan yang tepat. Namun terdapat 7 orang responden yang tidak pasti dan tidak setuju mewakili (14%).

9. Saya tidak menghormati pandangan dan pendapat orang lain dalam membuat sesuatu keputusan.




Carta 9

Berdasarkan carta 9 di atas menunjukkan jawapan dari responden yang berkaitan dengan tidak akan menghormati pandangan dan pendapat orang lain dalam membuat sesuatu keputusan. Berikut adalah jawapan yang diberikan responden iaitu seramai 23 orang mewakili (46%) yang

mmeberi respon sangat tidak setuju. Manakala seramai 16 orang mewakili (32%) yang tidak setuju. Seterusnya, seramai 5 orang mewakili (10%) yang tidak pasti. Selain itu, seramai 4 orang (8%) yang memberi respon setuju dan seramai 2 orang mewakili (4%) sangat setuju. Kesimpulannya, majoriti tidak bersetuju dengan kenyataan iaitu tidak akan menghormati pandangan dan pendapat orang lain dalam membuat sesuatu keputusan dan ia adalah jawapan yang tepat. Justeru itu seramai 11 orang mewakili (22%) yang tidak pasti dan bersetuju dengan jawapan tersebut.

10. Saya sentiasa memperbaiki kesalahan diri dalam berurusan sesama manusia.



Carta 10

Berdasarkan carta 10 di atas merujuk kepada jawapan responden berkaitan dengan akan sentiasa memperbaiki kesalahan diri dalam berurusan sesama manusia. Seramai 3 orang responden mewakili (6%) yang tidak pasti dengan jawapan. Manakala seramai 30 orang mewakili (60%) yang memberi respon setuju dan seramai 17 orang mewakili (34%) yang memberi respon sangat setuju. Dapat disimpulkan bahawa majoriti bersetuju bahawa akan sentiasa memperbaiki kesalahan diri dalam berurusan sesama manusia dan ia adalah jawapan yang paling tepat dengan seramai 47 orang mewakili (94%).

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa min yang berada pada bahagian B tentang pemahaman konsep toleransi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu (3.30). Hal ini menunjukkan bahawa ramai dikalangan mahasiswa Badar KUIS memahami tentang item yang dipersoalkan dan pencapaian ini adalah sangat positif. Manakala bahagian C tentang pengamalan toleransi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu (3.60). Hal ini menunjukkan bahawa ramai yang memahami tentang item yang dipersoalkan dan pencapaiannya sangat positif.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, kefahaman pelajar terhadap konsep toleransi menurut perspektif al-Quran berada pada tahap yang memuaskan kefahaman. Mereka amat menitikberatkan dan memahami akan pentingnya untuk mengamalkan sikap bertoleransi dalam organisasi menurut al-Quran. Namun, terdapat segelintir kecil yang tidak dapat memahami dan kurang pasti akan jawapan yang diberikan. Justeru itu, pemahaman konsep toleransi menurut al-Quran ini amat diperlukan dikalangan mahasiswa dalam berorganisasi kerana dapat membentuk mereka kearah yang jauh lebih baik daripada sebelumnya.

RUJUKAN

Siti Fatimah Abdul Rahman & Hamiza Ibrahim. 1994. *Islam : Penyelesaian Permasalahan Zaman Moden*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Haji Zainal Abidin B. Safarwan. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.

Abdul Rahman Rukaini. 2001. *Siri Teras Ulum Islamiah : Akhlak Membangun Jati Diri*. Kajang : Synergymate Sdn Bhd.

Kamus Dewan Edisi ke-3. 2002. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur

Webster World Dictionary. 1965. New York : Publisher Company.

Abu al-^cA'la al-Mawdudi. 1971. *al-Islam fi Muwajahah al-Tahaddiyat al-Mu'asirah*. Kuwait : Dar Qalam.

Umar Hasyim. 1979. *Toleransi Kemerdekaan Beragama Dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog Dan Kerukunan Antar Agama*. Surabaya: P.T Bina Ilmu.

Prof. Dr. Wahbah az-Zuhaili. 2016. *Tafsir al-Munir : Aqidah, Syari'ah & Manhaj*. Jil.4. Jakarta. Gema Insani.

Muhammad al-Qurtubi. 1993. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.

Syaikh Salim bin 'Ied al-Hilali. 2003. *Toleransi Islam Menurut Pandangan al-Quran dan al-Sunnah*.

Mutsalim Khareng & Jaffary Awang. 2014. *Toleransi Beragama & Implikasinya Dalam Kalangan Mahasiswa/I Muslim Dan Budha Di Prince of Songkhla University*. Journal of Islamic and Arabic Education.

Noraila Ismail & Norhasni Zainal Abiddin. 2010. *Tinjauan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Komitmen Pekerja Terhadap Organisasi*. *Dinamika Sosial Ekonomi*. Edisi Mei 2010.

Jainabee Md. Kassim & Robiah Sidin. 2016. *Budaya Organisasi Dari Segi Konsep Dan Amalan*.

Casram. 2016. *Membangun Sikap Toleransi Beragama Dalam Masyarakat Plural*. Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya.

Mazlan Ibrahim. 2017. *Al-Tasamuh Dalam al-Quran : Satu Kajian Tafsir Tematik*. Jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhamad Amar Mahmad (t.t.) *Toleransi Dalam Kalangan Masyarakat Multi-Etnik Menurut al-Quran : Suatu Ulasan*. Universiti Utara Malaysia.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah & Sarina Othman. 1995. *Kearah Peningkatan Kualiti*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Anis Malik Thoha. 2005. *Tren Pluralisme Agama*. Jakarta : Perspektif.

Albert Dondeyn. 1963. *Faith and the World*. Dublin : Gill and Son.

Ramli Awang. 2003. *Islam Alternatif Perpaduan Sejagat*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia SKUDAI.

Muhammad Qurasy Shihab. 2001. *Wawasan al-Quran*. C.12. Bandung : Mizan.